

# BUKU PANDUAN PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH UNTUK GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH (GPM)



Diterbitkan Oleh:  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor (2007)

## ISI KANDUNGAN

Pendahuluan .....	1
Perincian Panduan Tugas Pengurusan PSS untuk GPM .....	2
- Tugas (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 3/2005)	
- Objektif	
- Bulan	
- Bidang Tugas	
- Penglibatan	
Bidang A - Pengurusan dan Pentadbiran.....	7
Bidang B - Organisasi Bahan.....	12
Bidang C - Galakan Membaca dan Literasi Maklumat.....	13
Senarai Pekeliling Yang Berkaitan Dalam Panduan Tugas Pengurusan PSS Untuk GPM.....	14
Jawatankuasa Induk Pusat Sumber Sekolah .....	15
Jawatankuasa Kerja Pengawas .....	16
Jawatankuasa NILAM Sekolah.....	17
Jawatankuasa Badan Pengawas Pusat Sumber Sekolah.....	18
Jadual Waktu Mengajar Untuk GPM .....	19
Cadangan Jadual Waktu (Dua Sidang) .....	20
Format Ringkasan Mengajar GPM Pusat Sumber Sekolah .....	21
Contoh Ringkasan Mengajar Pengurusan dan Pentadbiran PSS ( PPPSS ) .....	21
Contoh Ringkasan Mengajar Organisasi Bahan ( OB) .....	22
Contoh Ringkasan Mengajar Gerakan Membaca dan Literasi maklumat (GMLM) .....	22
Contoh Perancangan Tahunan PSS .....	23
Contoh Pelan Tindakan Pusat Sumber Sekolah .....	24
Contoh Carta Gant Perancangan Aktiviti Tahunan PSS .....	25
Contoh Perancangan Aktiviti PSS 5 Tahun .....	26
Contoh Kandungan Taklimat Orientasi .....	35
Contoh Format Pengurusan Kewangan PSS .....	36
Sistem Fail PSS .....	40
Format Laporan Program .....	43
Format Laporan Pameran .....	44
Format Kajian Tindakan .....	45

## PENDAHULUAN

Dalam usaha untuk memantapkan dan memajukan lagi sistem pendidikan (KP (BS-DSR)8787/008/2 (10) bertarikh 18 Julai 2005), Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi penekanan yang sewajarnya dalam pelaksanaan pelbagai program berkaitan Pusat Sumber Sekolah. Sehubungan itu, melalui Waran Peruntukan B.41 Kementerian Pelajaran Malaysia, setiap sekolah telah diperuntukkan seorang Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (Penyelaras Pusat Sumber Sekolah) sepenuh masa. Pelantikan ini diharap dapat membantu meningkatkan keupayaan pengurusan dan kepimpinan pengurusan Pusat Sumber Sekolah yang lebih cemerlang dan berkesan.

Pelantikan Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (GPM) merupakan satu usaha Kementerian untuk memantapkan pengurusan Pusat Sumber Sekolah. Sehubungan dengan itu, diharap buku panduan ini dapat membantu GPM menguruskan pusat sumber sekolah secara sistematik dan efisien dalam meningkatkan kualiti pengurusannya.

PSS perlu diurus dengan baik dan teratur termasuklah penjadualan dan sistem sirkulasi peralatan, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan yang sentiasa dikemaskinikan. GPM perlu jelas dengan peranan PSS yang mempunyai hubungan langsung dengan pelaksanaan program kurikulum dan kokurikulum di peringkat sekolah. Oleh itu, banyak tugas yang perlu GPM tumpukan untuk memastikan PSS dapat digunakan dengan berkesan dengan menerapkan dan membudayakan teknologi pendidikan demi memartabatkan PSS sebagai nadi utama pengajaran dan pembelajaran ke arah Pusat Kecemerlangan Pendidikan yang lebih berkesan.

Terdapat tiga bahagian utama di dalam buku panduan tugas pengurusan Pusat Sumber Sekolah, iaitu :

- i. Perincian Tugas, merangkumi aspek:
  - Tugas (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 3/2005)
  - Objektif
  - Bulan
  - Bidang Tugas
  - Penglibatan
- ii. Bidang Tugas
  - Bidang A : Pengurusan dan Pentadbiran
  - Bidang B : Organisasi Bahan
  - Bidang C: Galakan Membaca dan Literasi Maklumat
- iii. Lampiran
  - Mengandungi lampiran contoh dan format yang diperlukan oleh Guru Perpustakaan dan Media Sekolah dalam menguruskan PSS.

**PERINCIAN PANDUAN TUGAS  
PENGURUSAN PSS UNTUK GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH**

BIL	TUGAS	OBJEKTIF	BULAN	BIDANG TUGAS	PENGLIBATAN
1.	Merancang dan mengajar matapelajaran antara 6 - 8 waktu seminggu	mengekalkan kemahiran sebagai guru dalam pengajaran dan pembelajaran biasa	Januari – Disember	Mengajar mata pelajaran opsyen masing-masing	Guru Penolong Kanan 1
2.	Merancang dan melaksanakan dasar dan program tahunan Pusat Sumber Sekolah .	Memastikan pelaksanaan dasar yang dirancang diselaraskan.  Dasar dan program yang dirancang dapat disebarkan kepada semua yang terlibat	Disember – Januari	Bidang : A2, A3, A4, A5, A6, A8, A9 A10, A11, A14, A19,	Jawatankuasa Induk
3.	Merancang dan mengurus belanjawan tahunan Pusat Sumber Sekolah	Wang peruntukan dapat diagihkan mengikut keperluan  Menggunakan peruntuka mengikut arahan yang ditetapkan	Disember – Januari	Bidang : A6, A15, A16, A17, A18, B1	Jawatankuasa Kerja
4.	Merancang pemerolehan dan pembinaan koleksi yang komprehensif, seimbang dan kemaskini.	Menyeimbangkan pemerolehan dan pembinaan koleksi mengikut keperluan dan kesesuaian  Mengemaskini pemerolehan dan pembinaan koleksi	Januari – Mac	Bidang : B1, B2, B3, B6, B7,	Jawatankuasa Kerja Pusat Sumber Sekolah  Jawatankuasa Kurikulum

BIL	TUGAS	OBJEKTIF	BULAN	BIDANG TUGAS	PENGLIBATAN
5.	Merancang dan melaksanakan Program Kemahiran Maklumat dan perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah yang dapat menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Maklumat</li> <li>• mengintegrasikan Literasi Maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran</li> </ul>	Januari – Oktober	Bidang : A13 , C2	Jawatankuasa Kerja Pusat Sumber Sekolah Guru Panitia Guru Mata Pelajaran Kaunselor Guru Cemerlang/Pakar
6.	Merancang dan mengurus program pembacaan (Program NILAM) dan pembudayaan ilmu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memastikan program NILAM dapat dilaksana dan berjalan dengan lancar</li> </ul>	Januari – Oktober	Bidang : A1, A13, C1, C3	Jawatankuasa NILAM Jawatankuasa Kurikulum/Panitia
7.	Merancang, melaksanakan dan menyelaraskan program pembangunan staf dan program latihan dalaman berhubung dengan Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• semua maklumat dapat disebar-kan kepada semua warga sekolah</li> <li>• memberi kemahiran berkaitan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah</li> </ul>	Sekurang-kurangnya 4 kali setahun	Bidang : A7, A13, C4	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja Guru Pengawas Pusat Sumber Sekolah Pembantu Tadbir Pusat Sumber Sekolah
8.	Merancang dan mengurus program promosi Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberikan maklumat yang lebih tepat berkaitan dengan Pusat Sumber Sekolah</li> <li>• menarik minat guru dan murid untuk menyertai setiap aktiviti yang dianjurkan</li> <li>• menggalakkan penggunaan Pusat Sumber Sekolah dalam kalangan warga sekolah</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : A12, A13 , C3	Jawatankuasa Kerja Pusat Sumber Sekolah Ketua Panitia Pengawas Pusat Sumber Sekolah Pembantu Perpustakaan Ketua Panitia

BIL	TUGAS	OBJEKTIF	BULAN	BIDANG TUGAS	PENGLIBATAN
9.	Bekerjasama dengan guru-guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber secara kolaboratif	<ul style="list-style-type: none"> <li>dapat membantu guru-guru dan menyediakan bahan yang berseesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : C3	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja Guru Panitia/ Matapelajaran Pengawas PSS Pembantu Tadbir Pembantu Perpustakaan
10.	Berhubung dan bekerjasama dengan Pusat Sumber Pendidikan Negeri/PKG/Perpustakaan Awam untuk meningkatkan pekhidmatan dan program Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>memastikan sentiasa menerima maklumat yang terkini</li> <li>mendapatkan khidmat bimbingan berhubung dengan pengurusan Pusat Sumber Sekolah</li> <li>mendapatkan kerjasama daripada agensi berkaitan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : A13, C3	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja
11.	Menyelia dan mengurus bahan-bahan Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>meningkatkan penggunaan bahan</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : A9, B5, B6	Jawatankuasa Kerja
12.	Menyedia dan mengedar minit mesyuarat JK Induk/Kerja Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>memberi panduan untuk tindakan susulan pihak berkenaan</li> <li>menyebarkan maklumat hasil daripada mesyuarat</li> </ul>	Sekurang-kurangnya 3 kali setahun	Bidang : A3	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja

BIL	TUGAS	OBJEKTIF	BULAN	BIDANG TUGAS	PENGLIBATAN
13.	Memantau dan mengawal selia pelaksanaan program Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memastikan program Pusat Sumber Sekolah dapat dijalankan dengan lancar</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : A13, C1, C2, C3, C4	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja
14.	Melaksanakan tugas semakan stok dan inventori peralatan Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memastikan bahan sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna</li> <li>• menganalisis bahan dan inventori sebagai panduan untuk penambahan bahan baru</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : A15, A16, A17 A18, B7, B8, B10	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja
15.	Mempromosi dan menjadi ahli Persatuan Pusat Sumber Sekolah Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mempertingkatkan keahlian Persatuan Pusat Sumber Sekolah</li> <li>• bekerjasama dengan badan-badan kerajaan/bukan kerajaan yang berkaitan dalam menjayakan aktiviti persatuan</li> </ul>	Sepanjang tahun	Bidang : A13	Jawatankuasa Kerja
16.	Menjalankan penyelidikan/kajian tindakan berhubung dengan perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengenal pasti masalah dan merancang tindakan susulan untuk penambahbaikan</li> </ul>	Minimum 1 kali	Bidang : A5	Jawatankuasa Induk Jawatankuasa Kerja

BIL	TUGAS	OBJEKTIF	BULAN	BIDANG TUGAS	PENGLIBATAN
17.	Menyediakan laporan serta analisis pelaksanaan pembangunan, pengurusan, program dan aktiviti serta kewangan Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menyediakan dokumentasi yang berkaitan</li> <li>• mengenalpasti kelemahan dan kekuatan sesuatu program yang dijalankan</li> </ul>	Oktober	Bidang : A8, A9, A13,	Jawatankuasa Kerja
18.	Menghantar data dan laporan pelaksanaan Program Pusat Sumber Sekolah dan NILAM kepada BTP melalui PKG dan PSPN a. Laporan Pusat Sumber Sekolah [Oktober] b. Program NILAM [ April dan Oktober]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengetahui status pencapaian dan pelaksanaan Program NILAM di sekolah</li> <li>• membuat perancangan untuk peningkatan pembangunan PSS.</li> </ul>	Oktober April	Bidang : A13 , C1	Jawatankuasa NILAM Jawatankuasa Kerja Jawatankuasa Kurikulum
19.	Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan sekolah dari semasa ke semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengikut arahan dari semasa ke semasa</li> </ul>	Sepanjang tahun		Pengetua / Guru Besar Penolong Kanan 1



**BIDANG A: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
1.	Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan Jawatankuasa Induk / Kerja / NILAM / Pengawas PSS.</li> <li>• Menyediakan carta organisasi (Minimum saiz A3).</li> <li>• Mengemaskini dan mempamerkan carta organisasi.</li> </ul>	<i>Lampiran carta organisasi.</i>
2.	Tugas	<p>Menyediakan fail meja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyedia dan menyerahkan diskripsi tugas-tugas jawatankuasa: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Induk</li> <li>- Kerja</li> <li>- Pengawas PSS</li> </ul> </li> <li>• Memantau dan membantu pelaksanaan Tugas-tugas Jawatankuasa terlibat.</li> <li>• Merancang, menyusun, dan menjalankan tugas setiap bulan</li> <li>• Mempamerkan senarai tugas.</li> <li>• Dokumentasi</li> </ul>	
3.	<p>Mesyuarat</p> <p>a. Jawatankuasa Induk</p> <p>b. Jawatankuasa Kerja</p> <p>c. Jawatankuasa Pengawas PSS</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan surat panggilan</li> <li>• Mesyuarat Jawatankuasa Induk / Jawatankuasa Kerja / NILAM / Pengawas PSS</li> <li>• Menyediakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk / Jawatankuasa Kerja/NILAM/Pengawas PSS</li> <li>• Mengedar Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk / Jawatankuasa Kerja</li> <li>• Menyediakan agenda mesyuarat</li> <li>• Mengurus dan menfail surat menyurat</li> </ul>	<i>Dapatkan daftar fail.</i>

BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
4.	Fail Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan</li> <li>• Maklumat PSS</li> <li>• Jawatankuasa Induk dan Kerja PSS</li> <li>• Pengawas PSS</li> <li>• Peraturan PSS</li> <li>• Pengurusan dan pentadbiran PSS</li> <li>• Koleksi bahan PSS</li> <li>• Kewangan PSS</li> <li>• Organisasi bahan</li> <li>• Aktiviti PSS</li> <li>• Stok dan inventori PSS</li> <li>• Sirkulasi / edaran bahan PSS</li> <li>• Perkhidmatan PSS</li> <li>• Automasi PSS</li> <li>• Program Bacaan NILAM</li> </ul>	
5.	Rancangan Pembangunan Jangka panjang (RPJP).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan misi, visi, matlamat dan objektif RPJP</li> <li>• Menyediakan RPJP</li> <li>• Menyediakan carta gantt</li> <li>• Menyediakan laporan pencapaian</li> <li>• Menyediakan kajian kemajuan</li> <li>• Dokumentasi</li> <li>• Mempamer dan mengedarkan RPJP kepada Pengetua/GB/GPK 1 dan Ketua Panitia</li> </ul>	<i>Rujuk Lampiran RPJP</i>
6.	Perancangan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengedarkan borang aktiviti kepada Ketua Panitia / Ketua Unit</li> <li>• Memungut borang aktiviti daripada Ketua Panitia / Ketua Unit</li> <li>• Menyemak, memilih dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang diperoleh</li> <li>• Menyediakan Carta Gantt.</li> <li>• Dokumentasi</li> <li>• Mempamer dan mengedarkan Perancangan Tahunan kepada GPK 1 dan Guru Panitia</li> <li>• Menyelaraskan aktiviti-aktiviti PSS dengan aktiviti sekolah dengan takwim sekolah</li> </ul>	<i>Rujuk lampiran Rancangan Tahunan dan Carta Gantt</i>

BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
7.	Perlantikan Pengawas PSS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengedarkan borang pencalonan pengawas baru kepada guru kelas</li> <li>• Menjalankan temuduga</li> <li>• Menyediakan surat pelantikan pengawas baru</li> <li>• Pelantikan Pengawas PSS</li> <li>• Menyerah dan memberi taklimat bidang tugas pengawas</li> <li>• Menjalankan bengkel pengurusan PSS</li> </ul>	
8.	Menyediakan Rekod	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan Rekod Perolehan Bahan Buku, Bukan Buku ,Surat Khabar dan Majalah</li> <li>• Menyediakan Buku Pelawat</li> <li>• Rekod Bertugas Jawatankuasa KerjaPSS</li> <li>• Rekod Bertugas Pengawas PSS</li> <li>• Rekod Penggunaan Bilik–Bilik di PSS</li> <li>• Rekod Penggunaan Peralatan</li> <li>• Rekod Penggunaan Radio Pendidikan / TVP</li> <li>• Rekod Penyelenggaraan Peralatan</li> <li>• Rekod Pilih Buang</li> <li>• Rekod Pinjaman Buku / Bukan Buku oleh ahli</li> <li>• Rekod Pinjaman Pukul</li> <li>• Menyediakan kad keahlian semua warga sekolah</li> <li>• Menyediakan statistik pinjaman harian mingguan, bulanan dan tahunan</li> </ul>	<i>Rujuk Lampiran RPJP</i>
9.	Panduan dan peraturan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan panduan dan peraturan penggunaan bilik-bilik di PSS. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan PSS</li> <li>- Penggunaan Komputer</li> <li>- Pinjaman dan Pemulangan</li> <li>- Penggunaan TVP</li> <li>- Penggunaan OHP / LCD</li> </ul> </li> <li>• Mempamerkan panduan dan peraturan yang disediakan</li> <li>• Dokumentasi</li> </ul>	

BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
10.	Jadual Penggunaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyedia dan mempamerkan jadual waktu penggunaan PSS murid</li> <li>• Mempamer dan mengedar jadual waktu TVP kepada Ketua Panitia</li> </ul>	
11.	Waktu Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyedia, mempamer dan mengedar kan jadual waktu perkhidmatan ke bilik guru, kelas dan papan kenyataan PSS</li> <li>• Menyediakan waktu perkhidmatan khas di luar waktu persekolahan (Sekolah Berasrama / atas permintaan murid)</li> <li>• Pamerkan waktu perkhidmatan perpustakaan agensi-agensi lain</li> <li>• Menyediakan peraturan pinjaman dan pemulangan bahan buku dan bukan buku</li> </ul>	<p><i>Perpustakaan Awam Negeri dan Cawan-gan.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Perpustakaan bergerak.</i></li> <li>- <i>Perpustakaan Negara Malaysia</i></li> </ul>
12.	Orientasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan brosur maklumat PSS</li> <li>• Menyediakan jadual orientasi PSS</li> </ul>	
13.	Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti PSS seperti yang dirancang ( Perancangan Tahunan)</li> <li>• Menyediakan laporan aktiviti-aktiviti tersebut</li> </ul>	
14.	<p>Sistem Fail</p> <p><b>* sila lihat semula sistem fail agar selaras seluruh Negara.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan fail-fail : <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>PSS/01/04/ __ (SUMBER PENDIDIKAN)</b></li> <li>- <b>PSS/01/06/ __ (PUSAT SUMBER)</b></li> </ul> </li> <li>• Labelkan fail-fail</li> <li>• Mengemaskini isi kandungan fail dari masa ke semasa</li> <li>• Menyimpan di bilik pengurusan / tempat yang sesuai</li> </ul>	<p><i>Bergantung kepada sistem fail yang diwujudkan oleh sekolah dan mengikut ketetapan dari PPD masing-masing.</i></p>

BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
15.	Daftar Stok Bekalan Pejabat ( Kew 314 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima bahan / alatan</li> <li>• Menyemak bahan / alatan yang diterima</li> <li>• Merekod bahan masuk (dengan pen merah)</li> <li>• Merekod bahan keluar (dengan pen biru / hitam)</li> <li>• Menyemak stok 2 kali setahun</li> </ul>	<p>a. Rujuk Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2002 dan pindaan pertama 11 Februari 2004</p> <p>b. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991</p>
16.	Daftar Inventori ( Kew 313 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima dan merekod peralatan</li> <li>• Mengemaskini dan menyemak peralatan</li> </ul>	Rujuk Daftar Inventori (Kew 313)
17.	Daftar Harta Modal ( Kew 312, 312A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima peralatan</li> <li>• Menyemak peralatan</li> <li>• Merekod penyelenggaraan</li> </ul>	Rujuk Kad Harta Modal
18.	Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merekod pergerakan harta modal dan peralatan yang dipinjam dari PSS</li> </ul>	
19.	Keceriaan, kebersihan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan melaksana susun atur PSS</li> <li>• Sediakan panduan dan label tunjuk arah dilekatkan di tempat tertentu</li> <li>• Pamerkan peraturan dan panduan untuk membantu pelajar mencari dan menggunakan maklumat. Melekatkan poster, carta dan gambar-gambar di tempat yang sesuai</li> </ul>	

## BAHAGIAN B: ORGANISASI BAHAN

BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
1.	Bantuan Per kapita Pusat Sumber Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapatkan Anggaran Bantuan Per kapita daripada Guru Besar / Pengetua</li> <li>• Berdasarkan anggaran per kapita tahun semasa, buat anggaran belanjawan</li> <li>• Rujuk analisis koleksi terkini bahan semasa membuat anggaran belanjawan</li> </ul>	<i>Rujuk Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2002 dan pindaan pertama 11 Feb. 2004</i>
2.	Agihan Pembelian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agihkan wang bantuan per kapita Pusat Sumber Sekolah kepada:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membeli buku fiksyen</li> <li>- Membeli buku bukan fiksyen</li> <li>- Membeli bahan terbitan berkala</li> <li>- Membeli bahan memproses buku</li> <li>- Membeli bahan keceriaan</li> <li>- Membeli harta modal</li> </ul> </li> <li>• Membeli bahan bukanbuku</li> <li>-membeli perisian pembelajaran</li> </ul>	<i>Pekeliling Per-bendahaaraan Bil. 2 Tahun 1991</i>
3.	Pemilihan dan Pembelian Bahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantik Jawatankuasa pemilihan dan pembelian bahan</li> <li>• Adakan mesyuarat Jawatankuasa pemilihan dan pembelian bahan</li> <li>• Edarkan dasar pemilihan dan pembelian bahan kepada semua ketua panitia</li> <li>• Sediakan analisis koleksi terkini bahan bagi tahun semasa</li> <li>• Ambil kira kekuatan dan kelemahan koleksi semasa membuat perancangan pembelian bahan</li> <li>• Sediakan anggaran perbelanjaan tahun semasa</li> <li>• Dapatkan senarai cadangan pembelian bahan daripada ketua-ketua panitia</li> <li>• Buat tempahan bahan dari pembekal terpilih</li> </ul>	<i>Rujuk Daftar Inventori (Kew 313)</i>
4.	Penerimaan Bahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semak borang pesanan dan buku yang diterima adalah betul dan jelas Jika buku tersebut tidak seperti yang dikehendaki, kembalikan kepada syarikat pembekal berkenaan</li> </ul>	<i>Rujuk KEW. 315 (Bahan Bukan Buku)</i>

## BAHAGIAN C: GALAKAN MEMBACA DAN LITERASI MAKLUMAT


BIL	TUGAS	PERINCIAN TUGAS	CATATAN
1.	Program NILAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk Jawatankuasa NILAM</li> <li>• Sediakan diskripsi tugas</li> <li>• Sediakan Jadual Waktu NILAM (B. Me layu dan B. Inggeris: 2 waktu seminggu</li> <li>• GPM membantu guru kelas dalam mem bentuk kumpulan Rakan Pembaca (RP). Aktiviti RP dipantau oleh guru</li> <li>• Adakan aktiviti memperkasakan NILAM Sediakan kertas kerja               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sediakan jadual program</li> <li>- Dapatkan peruntukan kewangan</li> <li>- Sediakan laporan</li> </ul> </li> <li>• Mengumpul dan merekod data NILAM</li> <li>• Memberi pengiktirafan kepada murid berdasarkan rekod bacaan</li> <li>• Menyediakan sijil pengiktirafan</li> <li>• Menghantarkan laporan ke PKG dan</li> <li>• PSPN</li> </ul>	<p><i>Rujuk buku Program NILAM: Konsep dan Panduan Pelaksanaan Di Sekolah [Bahagian Teknologi Pendidikan]</i></p> <p><i>(semua guru terlibat )</i></p> <p><i>* Lampiran Format kertas cadangan</i></p>
2.	Literasi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• GPM memberi penerangan mengenai Literasi Maklumat kepada guru dan murid               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Definisi maklumat</li> </ul> </li> <li>• Kenal pasti maklumat yang diperlukan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Strategi mencari maklumat</li> </ul> </li> <li>• Kenal pasti semua maklumat yang boleh digunakan dan memilih sumber maklumat yang terbaik               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lokasi dan capaian</li> </ul> </li> <li>• Mendapatkan sumber maklumat yang sudah dipilih dan mencari maklumat di dalamnya               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan maklumat</li> </ul> </li> <li>• Membaca, mendengar dan melihat maklumat yang sudah dicari dan mengambil maklumat yang relevan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengumpulan maklumat</li> </ul> </li> <li>• Menyusun maklumat yang sudah diambil               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penilaian</li> </ul> </li> <li>• Menilai proses pencarian dan hasil maklumat yang sudah diperolehi               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Wujudkan sudut Literasi Maklumat</li> </ul> </li> </ul>	<p><i>Rujuk Buku 1997. – Rujuk Lampiran</i></p>

## Senarai Pekeliling Yang Berkaitan Dalam Panduan Tugas Pengurusan PSS Untuk GPM


1. *Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2002 dan pindaan pertama 11 Februari 2004*
2. *Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991*
3. *Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997*
4. *Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1990*
5. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 1/2005 Memantapkan Budaya Membaca di Kalangan Murid Sekolah*



## JAWATANKUASA INDUK PUSAT SUMBER




## JAWATANKUASA KERJA PUSAT SUMBER SEKOLAH



**Catatan :**


- \* Semua pentadbir sekolah perlu diberi maklumat dan jelas dengan peranan dan fungsi Pusat sumber sekolah.
- \* Mesyuarat JK Kerja hendaklah dipengerusikan oleh Naib Pengerusi sekiranya JK Kerja Pengerusi mempunyai halangan/sebab tidak hadir dalam mesyuarat
- \* Penambahan ahli dalam Jawatankuasa Kerja PSS ini boleh dilakukan sekiranya JK memikirkan kepentingan untuk mewujudkan ahli baru dalam jawatankuasa.

**CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA NILAM SEKOLAH MENENGAH**



Sila rujuk buku Program NILAM m/s 18

## JAWATANKUASA BADAN PENGAWAS PUSAT SUMBER



## JADUAL WAKTU MENGAJAR UNTUK GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH (GPM)

Berdasarkan Pekeliling Ikhtisas 3/2005 KP (BS-DSR 8787/008/2 (10) bertarikh 18 Julai 2005, pelantikan jawatan Guru Perpustakaan Dan Media Sekolah ( GPM ) diperuntukkan bagi semua sekolah untuk merancang dan mengurus Pusat Sumber Sekolah disamping melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Berikut ialah cadangan jadual waktu Guru Perpustakaan dan Media Sekolah;

i. Pihak Pengurusan sekolah menetapkan jadual waktu Guru Perpustakaan dan Media Sekolah ( GPM ) di antara 6 hingga 8 waktu seminggu tanpa menetapkan kelas/ tingkatan tertentu.

Contoh Jadual Waktu (Satu Sidang)

Hari/Masa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	
Isnin	PH	PPPSS	PPPSS	BM	R			OB	OB	OB
Selasa	PPPSS		BM	BM	E		PSV	PSV	GMLM	GMLM
Rabu	PPPSS			OB	H		OB	OB		OB
Khamis	PPPSS		BM	BM	A		OB	GMLM	GMLM	
Jumaat	PPPSS		BM	OB	T		OB			
Sabtu										

Jumlah waktu bertugas = 28 [ Pengurusan PSS ( 20 x ) + MP ( 8 x ) ]

KOD	BIDANG	WAKTU
MP(BM/PSV)	MATAPELAJARAN DIAJAR	08
OB	ORGANISASI BAHAN	10
PPPSS	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PSS	06
GMLM	GALAKAN MEMBACA DAN LITERASI MAKLUMAT	04
JUMLAH		28

Tandatangan Guru : .....

Tarikh : .....

### Cadangan Jadual Waktu (Dua Sidang)

#### Sidang Pagi

Hari/Masa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	
Isnin	PER		PPPSS	PPPSS	R		BM	BM	OB	OB
Selasa			PPPSS		E	BM	GMLM	GMLM		
Rabu			PPPSS		H		OB	OB	BM	BM
Khamis			PPPSS		A	BM	OB	OB	PSV	PSV
Jumaat			PPPSS		T	OB	OB			
Sabtu										

#### Sidang Petang

Hari/Masa	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Isnin	PER				R				
Selasa	OB	OB			E				
Rabu	GMLM				H				
Khamis					A				
Jumaat					T				
Sabtu									

Jumlah waktu bertugas = 28 [ Pengurusan PSS ( 18 x ) + MP ( 10 x ) ]

KOD	BIDANG	WAKTU
MP(BM/PSV)	MATAPELAJARAN DIAJAR	08
OB	ORGANISASI BAHAN	10
PPPSS	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PSS	06
GMLM	GALAKAN MEMBACA DAN LITERASI MAKLUMAT	04
JUMLAH		28

Tandatangan Guru : .....

Tarikh : .....

ATAU;

- ii. Guru Perpustakaan dan Media Sekolah menyediakan jadual waktu bertugas mingguan yang anjal.

**FORMAT RINGKASAN MENGAJAR  
GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA [GPM] PUSAT SUMBER SEKOLAH**

Tajuk	:.....
Masa	:.....
Objektif	:..... :.....
Aktiviti	:.....
Catatan	:.....

**Contoh Ringkasan Mengajar Pengurusan dan Pentadbiran PSS ( PPPSS )**

Tajuk : Pengurusan dan Pentadbiran PSS ( PPPSS)  
Merancang dan melaksana susun atur PSS,  
- Membuat tunjuk arah dan panduan penggunaan bahan

Masa : 35 minit (7.30 – 8.05 Pagi)

Objektif : 1. Memberi maklumat dan arahan kepada pengguna.  
2. Menambahkan keceriaan di PSS

Aktiviti : 1. Membuat draf arahan dan panduan  
2. Semak draf dan mulakan kerja menaip  
3. Laminating .  
4. Letak atau tampal pada bahagian berkaitan.

Catatan : - 2 label tunjuk arah dan 1 panduan penggunaan siap dan di lekat dan dipamerkan.

### Contoh Ringkasan Mengajar Organisasi Bahan ( OB)

Tajuk	: Organisasi Bahan (OB) Proses Teknik Bahan Buku
Masa	: 70 minit ( 10.50 -12.00 pagi)
Objektif	: 1. Memastikan semua buku baru siap diproses mengikut teknik yang betul
Aktiviti	: 1. Semak penerimaan buku 2. Sediakan slip kerja 3. Cap perolehan dan cap hak milik pada bahan 4. Lekatkan kad pinjaman dan slip tarikh pulang 5. Lekatkan label no. panggilan pada buku
Catatan	: - Sejumlah 40 buah buku telah siap diproses teknik dari Syarikat Alam Mutiara ( No Invoice : 43290 )

### Contoh Ringkasan Mengajar Gerakan Membaca dan Literasi maklumat (GMLM)

Tajuk	: Gerakan Membaca dan Literasi Maklumat (GMLM) Program NILAM
Masa	: 70 minit ( 11.25 -12.35 pagi)
Objektif	: 1. Memastikan semua pelajar merekod bacaan Program NILAM. 2. Membuat pengesahan Buku Rekod Membaca.
Aktiviti	: 1. Mengalakkan pelajar yang meminjam buku di PSS buat catatan dalam BRM. 2. Mengesahkan mana-mana buku rekod membaca pelajar. 3. Memastikan bilangan buku bacaan kelompok NILAM mencukupi di dalam bakul yang disediakan untuk pinjaman pukal [bulk loan].
Catatan	: - GPM membimbing mana-mana pelajar di dalam PSS membaca dengan teknik yang betul dan membuat catatan. - Sejumlah 25 buah buku rekod membaca dari tingkatan 5 Ikhlas telah disemak. - Menambahkan dan menukar ganti buku dari bakul yang disediakan.[pinjaman pukal]



Sila rujuk Buku Panduan Pengurusan PSS untuk GPM m/s 35-36.

### PERANCANGAN TAHUNAN/STRATEGIK PUSAT SUMBER SEKOLAH

Bil	PROGRAM	STRATEGI PELAKSANAAN	MATLAMAT	OBJEKTIF	SASARAN	SUMBER			JANGKA MASA	PENILAIAN
						TENAGA	KOS (RM)	BAHAN		
1.	Penambahan koleksi buku	1.Merancang pembelian buku hasil cadangan panitia 2.Memesan buku yang ber-sesuaian 3.Memproses buku-buku baru	Meningkatkan penggunaan dan pinjaman bahan bacaan	1.Menambah koleksi buku terkini 2.Mempelbagaikan koleksi buku di PSS	AJK dan Pengawas PSS	1.AJK PSS 2.Pembantu perpustakaan 3.Pengawas perpustakaan		1. Buku 2. Alatan mem proses	Januari- Oktober	Koleksi buku di perpustakaan bertambah
2.	Proses baik pulih koleksi bahan yang rosak	1. Mengenal pasti buku-buku yang perlu dibaik pulih dan diasingkan 2. Membaik pulih buku-buku yang dipilih	Memastikan koleksi bahan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.	1. Memulihara koleksi bahan lama yang masih boleh digunakan 2. Mengekalkan koleksi bahan sedia ada	AJK dan Pengawas PSS	1.AJK PSS 2.Pembantu perpustakaan 3.Pengawas perpustakaan		1. Buku 2. Alatan mem proses	Januari- Oktober	Koleksi bahan lama terpelihara
3.	Minggu Pusat Sumber	1. Mesyuarat AJK Kerja, 2. Pembahagian Tugas 3. Penyediaan Bahan dan Soalan Kuiz atau Aktiviti Program mengikut panitia.	1. Mempromosi dan menggalakguna PSS.	1. Menjadikan PSS sebagai sumber maklumat dan aktiviti. 2. Menggalakkan penglibatan semua warga sekolah.	Semua warga sekolah	1.AJK PSS 2.Pembantu perpustakaan 3.Pengawas perpustakaan		Borang-borang berkaitan	Januari- Oktober	Dokumentasi
4.	Lawatan ke pesta buku antarabangsa Kuala Lumpur	1.Mengikut prosedur lawatan.	Memberi pendedahan tentang buku-buku baru di pasaran	1.Mengetahui, mengenal dan memilih bahan bacaan yang sesuai. 2. Dapat mengenali penerbit-penerbit buku di seluruh dunia	Pelajar tingkatan 4 dan 6 rendah	1.AJK PSS 2.Pembantu perpustakaan 3.Pengawas perpustakaan			April / Mei	Laporan peserta

**Nota:** Sila tambah program mengikut keperluan PSS.

## PELAN TINDAKAN PUSAT SUMBER SEKOLAH

PROGRAM	TARIKH	STRATEGI PELAKSANAAN	SUMBER TENAGA
Penambahan Koleksi Buku	Januari - Oktober	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merancang pembelian buku hasil cadangan panitia</li> <li>2. Memesan buku yang bersesuaian</li> <li>3. Memproses buku-buku baru</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.AJK PSS</li> <li>2.Pembantu perpustakaan</li> <li>3.Pengawas perpustakaan</li> </ol>
Proses baik pulih buku-buku yang rosak.	Januari - Oktober	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti buku-buku yang perlu dibaik pulih dan diasingkan</li> <li>2. Membaik pulih buku-buku yang dipilih</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.AJK PSS</li> <li>2.Pembantu perpustakaan</li> <li>3.Pengawas perpustakaan</li> </ol>
Minggu Pusat Sumber	Januari - Oktober	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mesyuarat AJK Kerja,</li> <li>2. Pembahagian Tugas</li> <li>3. Penyediaan Bahan dan Soalan Kuiz atau Aktiviti</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.AJK PSS</li> <li>2.Pembantu perpustakaan</li> <li>3.Pengawas perpustakaan</li> </ol>
Lawatan ke pesta buku antarabangsa Kuala Lumpur	April / Mei	1.Mengikut prosedur lawatan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.AJK PSS</li> <li>2.Pembantu perpustakaan</li> <li>3.Pengawas perpustakaan</li> </ol>

### CARTA GANTT PERANCANGAN AKTIVITI TAHUNAN PSS

Bil	Strategi Pelaksanaan	JAN				FEB				MAC				APR				MEI				JUN				JUL				OGOS				SEPT				OKT			
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
1.	Penambahan Koleksi Buku																																								
2.	Proses baik pulih buku-buku yang rosak																																								
3.	Pelupusan buku-buku yang tidak boleh dibaik pulih																																								
4.	Temuduga pemilihan pengawas perpustakaan																																								

**PERANCANGAN AKTIVITI PSS LIMA TAHUN 2003-2007**

TAHUN	OBJEKTIF	PELAN TAKTIKAL	TINDAKAN	CATATAN
2003	<p>PERPUSTAKAAN:</p> <p><b>A. PEMBINAAN KOLEKSI BAHAN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembinaan koleksi bahan buku fiksyen dan bukan fiksyen dengan mencapai nisbah 1:4</li> <li>2. Proses teknik bahan buku dengan nisbah buku pinjaman 1:3 dengan buku rujukan.</li> <li>3. Mengumpul koleksi hasil pelajar sebagai rujukan pelajar mengikut panitia mata pelajaran.</li> <li>4. Mengumpul buku sumbangan daripada guru sebagai koleksi pondok bacaan.</li> <li>5. Menyediakan 15 jenis majalah pelbagai bidang sebagai bahan rujukan umum.</li> <li>6. Mengumpul koleksi keratan akhbar mengikut subjek sebagai fail ADD.</li> <li>7. Mengadakan aktiviti semakan stok dan baikpulih /pemuliharaan bahan</li> </ol> <p><b>B. PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN KECERIAAN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan ruang bacaan tambahan di Ruang Rujukan , Rak Terbuka dan Sudut Bacaan Rekreasi.</li> <li>2. Mengubahsuai dan susun atur ruang mengikut kesesuaian dan penggunaan.</li> <li>3. Melengkapkan Bendera dan Jata Negeri-Negeri sebagai sumber maklumat tambahan.</li> <li>4. Mengadakan lanskap dalaman untuk ruang bacaan rekreasi</li> <li>5. Aktiviti gotong royong membersihkan PSS.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembelian dan sumbangan koleksi</li> <li>2. Proses teknik bahan buku</li> <li>3. Koleksi bahan majalah</li> <li>4. Koleksi keratan akhbar dan indeks</li> <li>5. Semakan stok dan pemuliharaan bahan</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ruang Rujukan dan Rak Terbuka</li> <li>2. Susun atur ruang</li> <li>3. Keceriaan dan maklumat</li> <li>4. Lanskap dalaman</li> <li>5. Ruang bacaan Rekreasi</li> <li>6. Gotong royong keceriaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penyelaras PSS</li> <li>2. AJK Perpustakaan</li> <li>3. Wakil Panitia m/pelajaran</li> <li>4. Pengawas Perpustakaan</li> <li>5. Guru mata pelajaran</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penyelaras PSS</li> <li>2. AJK Perpustakaan</li> <li>3. Pengawas perpustakaan</li> </ol>	<p>Koleksi 2000-2002 berjumlah 1:2</p> <p>Purata peningkatan 1000 buah setahun</p> <p>Kerjasama daripada Kemahiran Hidup/dll.</p>

TAHUN	OBJEKTIF	PELAN TAKTIKAL	TINDAKAN	CATATAN
